

# TERMA & SYARAT PERTANDINGAN FOTOGRAFI

## MASA

- Pertandingan bermula pada 22 Mac 2021 hingga 11.59pm, 31 Mei 2021
- PERKESO berhak untuk membuat sebarang perubahan terhadap pertandingan ini dari segi perancangan jika terdapat sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

## KELAYAKAN

- Pertandingan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas kecuali semua anggota PERKESO.

## CARA PENYERTAAN

- Peserta dikehendaki untuk mengambil gambar perkara-perkara yang menceritakan tentang PERKESO sama ada dari segi kisah benar, jenama atau pendedahan mengenai operasi PERKESO.
- Muat naik gambar ke Instagram dengan menggunakan #PERKESOGraphy dan tag @perkeso.official.
- Peserta perlu menjadikan akaun Instagram "Public" dan *follow* akaun rasmi PERKESO, @perkeso.official.
- Penyertaan selain daripada akaun Instagram PERKESO tidak akan diterima pakai.

## SYARAT PERTANDINGAN

- Peserta bersetuju bahawa PERKESO berhak menggunakan dan membuat permintaan atas gambar-gambar yang dimuat naik untuk digunakan sebagai bahan promosi jenama PERKESO seperti di poster, video dan lain-lain.
- Peserta perlu memastikan tiada pelanggaran hak milik pihak-pihak lain atau data peribadi seseorang sebelum memuat naik sebarang gambar. PERKESO tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan dari mana-mana pihak yang disebabkan atas penyertaan tersebut.
- Gambar penyertaan tidak boleh mempunyai ciri-ciri berikut:
  - Unsur-unsur seksual atau pendedahan tubuh badan.
  - Kata-kata kesat.
  - Isu perkauman.
  - Agenda politik.
  - Hak cipta atau *watermark* pihak ketiga.
  - Kecondongan, kekaburan, kecerahan yang berlebihan atau apa-apa perkara yang mengganggu kejelasan gambar.
  - Perkara-perkara yang boleh mencemarkan nama PERKESO.
  - Pastikan tiada jenama-jenama yang tidak berkaitan dengan PERKESO di dalam gambar penyertaan.
  - Promosi produk, servis atau laman web pihak luar.
- Dengan menyertai pertandingan ini, peserta menentusahkan kepada PERKESO bahawa butiran maklumat peserta adalah benar, tepat dan lengkap.
- Peserta dibenarkan untuk muat naik beberapa penyertaan tetapi hanya satu (1) penyertaan sahaja yang akan dipertimbangkan sebagai pemenang bagi satu peserta.

## **HADIAH PERTANDINGAN**

- Empat (4) kategori hadiah:
  - Hadiah Pertama : RM2500
  - Hadiah Kedua : RM1500
  - Hadiah Ketiga : RM1000
  - Saguhati x (4) : RM500

## **PENILAIAN & KRITERIA**

- PERKESO akan mengumumkan senarai kecil pemenang dari keseluruhan penyertaan berdasarkan criteria berikut:
  - Keunikan konsep
  - Penyampaian mesej yang jelas dan bermakna
  - Kreativiti
  - Nilai komersial
  
- Semua keputusan yang dibuat oleh PERKESO mengenai pertandingan ini adalah muktamad. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bersetuju untuk tidak mencabar atau membantah apa-apa keputusan yang telah dibuat oleh PERKESO berkaitan pertandingan ini. Segala rayuan, siasatan atau pertanyaan tidak akan dilayan selepas keputusan telah dibuat.

## **LAIN-LAIN**

- PERKESO mempunyai hak untuk menentukan kelayakan penyertaan. Jika terdapat sebarang pelanggaran terma dan syarat, PERKESO berhak untuk menentukan bahawa penyertaan tersebut tidak layak tanpa perlu memberi sebarang alasan atau memberi peluang untuk penyertaan semula.
  
- PERKESO tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan, kehilangan atau kelewatan penyertaan atas sebab-sebab kesulitan internet, kerosakan computer peribadi dan lain-lain.

- PERKESO mempunyai hak mutlak untuk kemas kini sebarang terma dan syarat pertandingan ini dari masa ke semasa dan ianya akan dimaklumkan melalui akaun Instagram PERKESO.
- PERKESO adalah komited untuk melindungi dan menghormati data privasi peserta dan akan hanya gunakan maklumat peribadi dengan terma dan syarat pertandingan ini dan dasar privasi dan undang-undang yang sedia ada.
- Peserta bersetuju untuk mematuhi semua terma dan syarat sebaik sahaja menyertai pertandingan ini. Dengan persetujuan ini apa-apa maklumat peribadi yang diberikan dengan penyertaan boleh disimpan dan digunakan oleh PERKESO atau agennya (jika ada) bagi mengendalikan pertandingan ini.
- Jika berlaku pembatalan kepada pertandingan ini, semua gambar penyertaan tidak akan digunakan oleh PERKESO untuk apa jua tujuan.
- Sebarang penyertaan hendaklah merupakan kerja asli (original work) dan ia tidak boleh melanggar hak pihak ketiga termasuk hakcipta (copyrights), tanda dagangan (trademark), rahsia perdagangan (trade secrets), privasi, publisiti, dan hak kepunyaan (propriety rights). Peserta hendaklah memastikan tiada ganti rugi dituntut terhadap PERKESO oleh mana-mana pihak ketiga dalam pertandingan ini.
- Pemenang pertandingan ini boleh dikehendaki untuk ikut serta jika dijemput untuk menyertai majlis dan ia termasuk memaparkan nama dan gambar di mana-mana media. Peserta hendaklah memberikan persetujuan bahawa data peribadinya akan digunakan untuk tujuan ini.
- Semua penyertaan yang dihantar, adalah hak cipta PERKESO dan tidak boleh dikembalikan dan PERKESO berhak sepenuhnya untuk menggunakannya mengikut keperluan semasa,